

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah peruntukan Tabung COVID-19 yang diagihkan kepada wilayah Sarawak amnya dan Baram khasnya untuk projek kecil. Nyatakan agensi-agensi yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek kecil tersebut.

JAWAPAN

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Secara umumnya projek berskala kecil yang diluluskan di bawah Kumpulan Wang COVID-19 tidak diagihkan mengikut DUN atau Kawasan Parlimen tetapi lebih kepada agensi pelaksana.

2. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi projek kecil telah diagihkan mengikut kementerian/agensi dan kebanyakan projek-projek melibatkan pelbagai negeri antaranya projek berkaitan sanitasi, penyelenggaraan infrastruktur pertanian, naiktaraf kemudahan ekopelancongan, penyelenggaraan jalan dan naik taraf kemudahan serta aset di sekolah, universiti dan hospital.

3. Walau bagaimanapun, sebanyak RM187 juta telah dibuat agihan khusus kepada jabatan/agensi Kerajaan di negeri Sarawak merangkumi projek-projek berskala kecil seperti berikut:

- i. Penyelenggaraan Infrastruktur di bawah Kerajaan Negeri Sarawak;
- ii. Kerja-kerja membaikpulih Kuarters Gunasama Persekutuan di Sarawak di bawah Jabatan Perdana Menteri;
- iii. Pembaikan/Naiktaraf Premis Perpaduan akibat bencana negeri Sarawak di bawah Kementerian Perpaduan;
- iv. Pembaikan/Naik taraf Jalan Perhubungan Desa, institusi KEMAS dan ameniti sosial negeri Sarawak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- v. Naik taraf premis perniagaan dan institusi pendidikan MARA di negeri Sarawak;
- vi. Program bantuan rumah dan baik pulih rumah, projek bekalan air luar bandar dan naik taraf stesen bekalan elektrik di negeri Sarawak di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar;

- vii. Penyelenggaraan dan Pembaikan KPDNHEP negeri Sarawak;
- viii. Pemuliharaan Sungai Untuk Mengurangkan Risiko Banjir dan Program Pemangkin Bandar Rendah Karbon negeri Sarawak di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air;
- ix. Kerja Membaikpulih Dan Menaiktaraf Pejabat-Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Laut Malaysia negeri Sarawak di bawah Kementerian Pengangkutan;
- x. Menaiktaraf, Pembaikan dan Penyelenggaraan Bangunan dan Fasiliti serta Kerja-kerja Berkaitan bagi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia negeri Sarawak di bawah Kementerian Dalam Negeri;
- xi. Pembinaan Gerai-Gerai Kecil di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Sarawak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; dan
- xii. Penyelenggaraan Kawasan Eko Pelancongan, Pemuliharaan Tapak dan Bangunan Warisan Negeri dan penyelenggaraan perumahan awam kos rendah negeri Sarawak di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Sekian, terima kasih.